

BAHAGIAN B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya.

- 1 a. Perbuatan zina merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar yang membawa kehancuran umat.
- (i) Nyatakan maksud zina. (2 Markah)
- (ii) Jelaskan jenis-jenis zina dan hukumannya (4 Markah)
- (iii) Terangkan **dua** akibat buruk perbuatan zina kepada individu. (4 Markah)
- b. Ajaran Bahai adalah ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam.
- (i) Apakah gelaran bagi pengasas ajaran tersebut (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** ciri kesesatan ajaran Bahai. (4 Markah)
- c. Orang yang terjebak dengan ajaran sesat akan mendatangkan kerugian kepada diri dan masyarakat.
- (i) Terangkan **dua** langkah yang perlu dilakukan untuk menangani ajaran sesat. (4 Markah)
- 2 a. Amalan insurans (takaful) diharuskan dalam Islam.
- (i) Nyatakan jenis-jenis insurans yang dijalankan oleh syarikat insurans di Malaysia. (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip insurans menurut Islam. (4 Markah)
- (iii) Terangkan **dua** tujuan insurans diharuskan dalam Islam. (4 Markah)
- b. Islam mengharuskan seseorang berkahwin lebih daripada seorang dan tidak melebihi empat orang isteri dalam satu masa.
- (i) Nyatakan **dua** syarat bagi lelaki yang hendak berpoligami. (2 Markah)
- (ii) Terangkan **dua** hikmah berpoligami menurut Islam. (4 Markah)
- c. Nyatakan hukum dan alasan bagi masalah berikut :
- (i) Encik Amirul telah berniat ihram di Qarnul Manazil kerana penerbangannya terus ke Jeddah.

- (2 Markah)
- (ii) Encik Faqih seorang yang bisu telah menjadi saksi dalam satu majlis akad nikah kawannya. (2 Markah)
- 3 a. (i) Nyatakan **dua** garis panduan adab berpakaian menurut Islam. (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** sebab masih terdapat umat Islam yang berhias diri tidak mengikut syariat. (4 Markah)
- b. (i) Jelaskan **dua** faktor-faktor yang membawa kepada kecemerlangan pemerintahan kerajaan Bani Umayyah. (4 Markah)
- (ii) Terangkan **dua** peranan generasi sekarang dalam menaikkan martabat diri dan agama Islam di mata dunia. (4 Markah)
- c. Imam al-Ghazali r.h. adalah seorang tokoh Islam terkenal. (i) Mengapakah Imam al-Ghazali r.h digelar “Hujjatul Islam” (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** hujah kegigihan Imam al-Ghazali r.h. dalam menuntut ilmu. (4 Markah)
- 4 a. (i) Jelaskan **dua** adab bermusafir yang perlu kita lakukan ketika bermusafir. (2 Markah)
- (ii) Kenapakah kita perlu beradab ketika bermusafir. (4 Markah)
- b. Untuk mewujudkan keamanan dan kesejahteraan , kerajaan Abbasiyah melakukan beberapa pembaharuan dalam bidang ketenteraan. (i) Jelaskan **dua** pembaharuan yang dilakukan kerajaan Abasiyyah dalam bidang ketenteraan. (4 Markah)
- (ii) Terangkan **dua** faktor kejayaan tentera Abasiyyah. (4 Markah)
- c. As-Sayyid Jamaluddin al-Afghani merupakan seorang pejuang Islam yang gigih menyebarkan idea islah. (i) Jelaskan **dua** sumbangan al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani dalam bidang pemikiran dan gerakan Islam. (2 Markah)
- (ii) Terangkan **dua** bentuk islah yang dibawa oleh al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani. (4 Markah)

BAHAGIAN B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1**, **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya.

- 1 a Iman merupakan anugerah Allah SWT yang paling agung kepada manusia.
- (i) Nyatakan pengertian iman menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah. (2 markah)
 - (ii) Sebutkan **empat** perkara-perkara yang membatalkan iman. (4 markah)
 - (iii) Terangkan **dua** keperluan iman dalam kehidupan seseorang manusia. (4 Markah)
- b Mazhab Syiah dan Khawarij merupakan dua kumpulan yang menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Syiah. (2 Markah)
 - (ii) Jelaskan **dua** golongan Syiah selain daripada Syiah Imamiah. (4 Markah)
 - (iii) Terangkan **dua** prinsip yang dipegang oleh Syiah Imamiah. (4 Markah)
- 2 a Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan jual beli menurut syarak? (2 Markah)
 - (ii) Jelaskan **dua** jenis jual beli yang dilarang dan tidak sah. (4 Markah)
 - (iii) Terangkan **dua** hikmah diharuskan sewa dalam Islam. (4 Markah)
- b Fasakh merupakan salah satu cara membendung kemudharatan dalam rumahtangga.
- (i) Nyatakan pengertian fasakh. (2 Markah)
 - (ii) Sebutkan **dua** sebab yang membolehkan tuntutan fasakh di Mahkamah Syariah. (2 Markah)
 - (iii) Terangkan **dua** hikmat Islam mengharuskan fasakh dalam perkahwinan. (4 Markah)
- c Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut:
- (i) En. Ariff menceraikan isterinya yang memiliki akhlak yang buruk dan tiada cara yang dapat memperbaikinya. (2 Markah)

- 3 a (i) Jelaskan pengertian rekreasi. (2 markah)
- (ii) Berikan **dua** adab di tempat rekreasi. (4 markah)
- b Saidina Ali bin Abi Talib adalah khulafa al-Rasyidin yang keempat.
- (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi beliau yang boleh anda contohi. (2 Markah)
- (ii) Terangkan **dua** polisi pentadbiran beliau. (4 Markah)
- c Imam Ahmad bin Hambal r.h. adalah pengasas bagi mazhab Hambali.
- (i) Nyatakan ujian yang dilalui oleh beliau. (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** sebab yang mendorong usaha gigih Imam Ahmad r.h. dalam bidang ilmu . (4 Markah)
- 4 a Kerosakan alam sekitar disebabkan oleh tangan manusia.
- (i) Jelaskan **dua** punca pencemaran alam. (4 Markah)
- (ii) Nyatakan **dua** langkah berkesan untuk menghalang pencemaran dari terus berlaku. (4 Markah)
- b Baitul Mal adalah salah satu institusi pengurusan ekonomi kerajaan Abasiyyah.
- (i) Apakah maksud Baitul Mal? (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** peranan Baitul Mal pada zaman tersebut (4 Markah)
- c Syeikh Muhammad Abduh merupakan tokoh islah yang berjaya.
- (i) Nyatakan **dua** metod islah yang dilaksanakan oleh beliau. (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** kesan islah terhadap perkembangan ilmu pengetahuan umat Islam. (4 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

Bahagian B

Jawapan soalan 1

- 1 a (i) Maksud zina ialah persetubuhan haram antara lelaki dan perempuan tanpa ikatan yang sah.
(1 isi x 2 = 2 m)
- (ii) Jenis-jenis zina dan hukumannya :
- Muhsan (penzina telah berkahwin) hukumannya direjam dengan batu sehingga mati
 - Ghair Muhsan (penzina belum berkahwin) hukumannya disebat seratus kali.
- (2 isi x 2 = 4 m)
- (iii) Dua akibat buruk perbuatan zina kepada individu
- Merendahkan maruah diri dan keluarga
 - Mendapat kemurkaan Allah s.w.t dan mengundang bala
 - Merebak penyakit merbahaya seperti AIDS, Siflis dan lain-lain
 - Berlaku pelbagai jenayah seperti pembuangan bayi .
- (2 isi x 2 = 4 m)
- b (i) Gelaran bagi pengasas ajaran Bahai ialah :
- Bahauallah
- (2 isi x 1 = 2 m)
- (ii) **Dua** ciri kesesatan ajaran Bahai ialah :
- Beriktikad pengasasnya adalah jelmaan Allah
 - Beriktikad bahawa nabi Isa mati disalib
 - Memansuhkan agama Islam
 - Alam bersifat baqa'
 - Menghapuskan jihad
- (2 isi x 2 = 4 m)
- c (i) **Dua** langkah yang perlu dilakukan untuk menangani ajaran sesat.
- Melengkapkan diri dengan kefahaman Islam yang sebenar.
 - Melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat ajaran sesat di kawasan sendiri.
 - Mengenakan hukuman yang tegas terhadap orang yang terlibat.
 - Mengadakan program pemulihan akidah.
- (2 isi x 2 = 4 m)
- 2 a (i) Jenis-jenis insurans yang dijalankan oleh syarikat insurans di Malaysia ialah :
- Insurans nyawa
 - Insuran am
- (2 isi x 1 = 2 m)
- (ii) **Dua** prinsip insurans menurut Islam ialah :
- Pemegang polisi bekerjasama mengadakan manfaat bersama
 - Membantu pemegang polisi

- Meringankan kerugian yang ditanggung oleh ahli
- Tiada unsur gharar pada bayaran sumbangan dan manfaat.
- Memberi keuntungan sakasama di kalangan ahli

(2 isi x 2 = 4 m)

(iii) **Dua** tujuan insurans diharuskan dalam Islam :

- Menjaga kebajikan sosial
- Jaminan masa depan
- Melahirkan sikap bantu-membantu
- Mendapatkan gantirugi.

(2 isi x 2 = 4 m)

b (i) **Dua** syarat bagi lelaki yang hendak berpoligami.

- Tidak melebihi empat isteri
- Boleh berlaku adil
- Mampu dari segi jasmani dan kewangan

(2 isi x 1 = 2 m)

(ii) **Dua** hikmah berpoligami menurut Islam ialah :

- Menyambung zuriat/keturunan
- Membela anak yatim dan janda
- Mengelakkan maksiat
- Mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat

(2 isi x 2 = 4 m)

c Hukum dan alasan :

(i) Hukumnya : sah

Alasan : Beliau telah berniat ihram di miqat makani .

(1 isi x 2 = 2 m)

(ii) Hukumnya : Tidak sah

Alasan : kerana syarat menjadi saksi nikah ialah sejahtera pancaindera.

(1 isi x 2 = 2 m)

3 a (i) **Dua dua** garis panduan adab berpakaian menurut Islam

- Berniat untuk menzahir dan mensyukuri nikmat Allah S.W.T.
- Bukan bertujuan berbangga diri
- Bertujuan menutup aurat
- Tidak jarang yang menampakkan aurat
- Tidak ketat yang boleh memperlihatkan susuk tubuh badan
- Tidak menyerupai pakaian upacara agama bukan Islam

(2 isi x 1 = 2 m)

(ii) **Dua** sebab masih terdapat umat Islam yang berhias diri tidak mengikut syariat.

- Terpengaruh dengan faktor persekitaran / fesyen barat / media
- Naluri ingin nampak cantik
- Jahil tentang hukum / kurang pengetahuan agama

(2 isi x 2 = 4 m)

b (i) **Dua** faktor-faktor yang membawa kepada kecemerlangan

pemerintahan kerajaan Bani Umayyah.

- Kecekapan dan kebijaksanaan khalifah.
- Penguasaan ilmu pengetahuan.
- Ekonomi yang stabil
- Kekuatan tentera
- Perhubungan baik antara kerajaan dengan rakyat.
- Semangat jihad yang tinggi

(2 isi x 2 = 4 m)

(ii) **Dua** peranan generasi sekarang dalam menaikkan martabat diri dan agama Islam di mata dunia.

- Kita hendaklah menguasai pelbagai ilmu pengetahuan
- Kita hendaklah menghidupkan semangat jihad
- Kita hendaklah bersatupadu bagi mewujudkan keamanan negara

(2 isi x 2 = 4 m)

c (i) Imam al-Ghazali r.h digelar “Hujjatul Islam”

- kerana kecekapan, kemasyhuran dan kekuatan membela agama Islam

(1 isi x 2 = 2 m)

(ii) **Dua** hujah kegigihan Imam al-Ghazali r.h. dalam menuntut ilmu.

- Tabah dan bersemangat kuat dalam menuntut ilmu
- Berjaya menghafaz al-Quran dalam usia muda
- Berusaha menguasai ilmu al-Quran, Hadis, mantiq, usuluddin dan falsafah
- Sanggup mengembara ke beberapa tempat untuk mendalami ilmu pengetahuan

(2 isi x 2 = 4 m)

4 a (i) **Dua** adab bermusafir yang perlu kita lakukan ketika bermusafir.

- Sebelum memulakan perjalanan kita hendaklah memulakan dengan memohon petunjuk Allah.
- Meminta nasihat dari mereka yang berpengalaman.
- Menyediakan bekalan yang mencukupi.
- Hendaklah melantik ketua jika bermusafir lebih dari tiga orang.
- Sunat mengucapkan selamat tinggal kepada orang yang ditinggalkan.
- Solat sunat musafir dan berdoa semasa menaiki kenderaan.

(2 isi x 1 = 2 m)

(ii) Kita perlu beradab ketika bermusafir.

- Supaya perjalanan mendapat rahmat dan keberkatan Allah.
- Supaya perjalanan dijauhi daripada kecelakaan seperti kemalangan maut.
- Supaya perjalanan mendapat pahala.
- Ketua yang dilantik dapat menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku.
- Supaya ibadat solat tidak ditinggalkan secara sesuka hati.

(2 isi x 2 = 4 m)

b (i) **Dua** pembaharuan yang dilakukan kerajaan Abasiyyah dalam bidang

ketenteraan.

- Membuka keanggotaan tentera kepada orang bukan arab
- Mengemaskinikan sistem pentadbiran dan struktur organisasi ketenteraan
- Memberi gaji dan imbuhan yang lumayan kepada tentera

(2 isi x 2 = 4 m)

(ii) **Dua** faktor kejayaan tentera Abasiyyah.

- Pemimpin yang berkaliber
- Peralatan tentera yang canggih
- Strategi peperangan yang berkesan
- Semangat jihad yang tinggi
- Dasar ketenteraan yang terbuka

(2 isi x 2 = 4 m)

c (i) **Dua** sumbangan al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani dalam bidang pemikiran dan gerakan Islam.

- Penggerak perjuangan menentang penjajah
- Menyatupadukan umat Islam
- Menghasilkan beberapa karya berbentuk ilmiah
- Menghasilkan idea islah

(2 isi x 1 = 2 m)

(ii) **Dua** bentuk islah yang dibawa oleh al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani.

- Mengkritik taklid buta
- Menyeru umat islam supaya kembali kepada Islam
- Membina perpaduan tanpa mengira bangsa dan budaya
- Mengkritik keburukan fanatik mazhab
- Mempelopori usaha memerdekakan tanah air.

(2 isi x 2 = 4 m)

Bahagian B

Jawapan soalan 1

a (i) Pengertian iman menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah :

- Membenarkan di hati, mengakui dengan lidah dan beramal dengan anggota.

(2 isi x 1 = 2 m)

(ii) **Empat** perkara-perkara yang membatalkan iman :

- Syirik
- Kufur
- Riddah
- Khurafat
- Sihir
- Nifaq

(4 isi x 1 = 4 m)

(iii) Dua keperluan iman dalam kehidupan dalam kehidupan manusia.

- Membentuk insan muslim sejati

- Istiqamah dalam beribadat
 - Bertanggungjawab dan amanah
 - Melahirkan generasi berakhlak mulia
- (2 isi x 2 = 4 m)

- b (i) Yang dimaksudkan dengan Syiah ialah :
- Golongan yang mendokong cita-cita untuk menjadikan Saidina Ali Karamallahuwajhah sebagai khalifah Rasulullah SAW.
- (2 isi x 1 = 2 m)
- (ii) **Dua** golongan Syiah selain daripada Syiah Imamiah.
- Syiah Zaidiyah
 - Syiah Batiniyah
- (2 isi x 2 = 4 m)
- (iii) **dua** prinsip yang dipegang oleh Syiah Imamiah.
- Imam mereka seperti nabi bersifat maksum
 - Menolak hadis yang bukan diriwayatkan oleh Ahlul Bait
 - Imam ke-12 mereka sebagai Imam Mahdi
 - Mengharuskan perkahwinan Muta'ah
 - Beramal dengan taqiyyah
- (2 isi x 2 = 4 m)

Jawapan soalan 2

- a (i) Maksud jual beli menurut syarak :
- Menukarkan barang dengan barang mengikut cara tertentu.
- (2 isi x 1 = 2 m)
- (ii) **Dua** jenis jual beli yang dilarang dan tidak sah :
- Menjual barang yang haram / untuk tujuan maksiat.
 - Tidak milik sempurna.
 - Menjual buah-buahan yang masih di pokok.
 - Jualan bersyarat.
- (2 isi x 2 = 4 m)
- (iii) **Dua** hikmah diharuskan sewa dalam Islam.
- Memudahkan memiliki barang yang diperlukan
 - Mengeratkan persaudaraan
 - Meyelesaikan sesuatu perkara dengan cepat dan senang.
- (2 isi x 2 = 4 m)
- b (i) Pengertian fasakh ialah :
- Pembatalan ikatan perkahwinan disebabkan syarat yang tidak dipenuhi semasa akad
- (1 isi x 2 = 2 m)
- (ii) **Dua** sebab yang membolehkan tuntutan fasakh di Mahkamah Syariah.
- Suami tidak memberi nafkah
 - Suami berpenyakit
 - Suami melakukan kezaliman

- Suami hilang / tidak dapat dikesan

(2 isi x 1 = 2 m)

(iii) **Dua** hikmat Islam mengharuskan fasakh dalam perkahwinan.

- Memberi peluang kepada isteri membuat tuntutan pembatalan perkahwinan.
- Menyelamatkan akidah isteri dan anak daripada suami yang murtad
- Peringatan kepada suami agar bertanggungjawab dalam menunaikan hak-hak isteri dan keluarga.
- Mengelakan kemudharatan kepada isteri sekiranya perkahwinan diteruskan.

(2 isi x 2 = 4 m)

c (i) Hukum : sah

Alasan : Sunat menceraikan isteri yang berakhlak buruk dan tidak dapat memperbaikinya.

(2 isi x 1 = 2 m)

Jawapan soalan 3

a (i) Pengertian rekreasi ialah :

- Kegiatan menyeronokan yang boleh menyegarkan kembali kesihatan badan.

(2 isi x 1 = 2 m)

(i) **Dua** adab di tempat rekreasi :

- Berpakaian yang menutup aurat.
- Menjaga pergaulan mengikut hukum Islam.
- Aktiviti yang dilakukan tidak bertentangan dengan hukum syarak.
- Bertanggungjawab menjaga harta awam.
- Mematuhi peraturan yang disediakan oleh pihak berkuasa.
- Bersama-sama menjaga kebersihan tempat rekreasi.

(2 isi x 2 = 4 m)

b (i) **Dua** sifat peribadi beliau yang boleh dicontohi ialah :

- Berani menegakkan kebenaran
- Sangat mengambil berat terhadap hal ehwal rakyat
- Memiliki budi pekerti yang terpuji

(2 isi x 1 = 2 m)

(ii) **Dua** polisi pentadbiran Saidina Ali:

- memecat pegawai-pegawai kerajaan dari keturunan Umayyah termasuk Muawiyah bin Abi Sufian
- meneruskan majlis tahkim walaupun tidak dipersetujui oleh golongan Khawarij

(2 isi x 2 = 4 m)

- c (i) Ujian yang dilalui oleh beliau:
- Pernah dipenjarakan dan dipukul dengan cemeti sehingga berdarah
- (1 isi x 2 = 2 m)
- (ii) **Dua** sebab yang mendorong usaha gigih Imam Ahmad r.h. dalam bidang ilmu .
- minat yang mendalam dalam bidang ilmu
 - daya ingatan yang kuat
 - tekanan kemiskinan
- (2 isi x 2 = 4 m)

Jawapan soalan 4

- a (i) **Dua** punca pencemaran alam.
- Sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak
 - Sikap untuk mengaut keuntungan dengan cepat
 - Kurang kesedaran terhadap kepentingan alam semulajadi
 - Tiada penguatkuasaan daripada pihak berkuasa
- (2 isi x 2 = 4 m)
- (ii) **Dua** langkah berkesan untuk menghalang pencemaran dari terus berlaku.
- Mengadakan kempen menjaga alam sekitar.
 - Mewujudkan pasukan pemantau alam sekitar.
 - Menguatkuasakan undang-undang.
 - Mengadakan dan mewujudkan lebih banyak pusat kitar semula.
 - Menyediakan kemudahan secukupnya untuk kegunaan orang ramai.
- (2 isi x 2 = 4 m)
- b (i) Maksud Baitul Mal: Institusi kewangan terbesar negara/ Bank Negara/Perbendaharaan Negara
- (1 isi x 2 = 2 m)
- (ii) **Dua** peranan Baitul Mal pada zaman tersebut ialah :
- Mengurus sumber pendapatan negara
 - Mengawal belanjawan negara
- (2 isi x 2 = 4 m)
- c (i) **Dua** metod islah yang dilaksanakan oleh Syeikh Muhammad Abduh.
- Melalui proses pengajaran di masjid al-Husain, darul Ulum dan Universiti al-Azhar.
 - Media massa seperti Majalah Al-Urwatul Wusqa serta Akhbar al-Waqa'ik al-Misriyyah dan al-Ahram.
 - Karya-karya ilmiah seperti rislah al-Tauhid.
 - Jawatan-jawatan yang disandang seperti hakim Mahkamah rayuan Mesir, Anggota Majlis Pengurusan Universiti al-Azhar dan Mufti kerajaan Mesir.
- (2 isi x 1 = 2 m)
- (ii) **Dua** kesan islah terhadap perkembangan ilmu pengetahuan umat Islam
- Mewujudkan mata pelajaran matematik, geometri, algebra, geografi, sejarah dan seni khat.

- Mewujudkan piawai dalam penganugerahan sijil.
- Mewujudkan farmasi khusus untuk pelajar Universiti al-Azhar.
- Menyediakan peruntukan untuk gaji guru dari perbendaharaan negara dan wakaf negara.
- Memperbaiki asrama pelajar dengan menekankan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan.

(2 isi x 2 = 4 m)